

JAUHI KEPERCAYAAN SYIRIK : TAHYUL, KHURAFAT DAN MISTIK

1. Syirik merupakan salah satu dosa besar dalam Islam. Banyak ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah S.A.W yang menyentuh tentang dosa syirik dan ancaman terhadap pelakunya.
2. Salah satu perbuatan syirik yang banyak berlaku dalam masyarakat kita ialah, percayakan kepada benda-benda khurafat dan tahyul serta mistik, bahawa benda-benda tersebut boleh memberi manfaat dan mudarat kepada seseorang.
3. Antaranya ialah jual beli yang banyak berlaku sekarang secara online di media sosial yang melibatkan barangan khurafat, tahayul dan mistik seperti minyak pengasih buluh perindu, jenglot, tangkal, azimat bagi tujuan pelaris perniagaan, menentukan nasib baik dan buruk seseorang, dihormati kawan dan lawan, kebal diri dan pelbagai tujuan lain yang bercanggah dengan syariat Islam.
4. Allah S.W.T memberi ancaman keras kepada golongan ini. Antara firman Allah S.W.T :-

a) Surah Al-Baqarah ayat 165:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْدَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُّ حُبًّا
لِلَّهِ وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرُونَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ

(165)

“Ada juga diantara manusia yang mengambil selain daripada Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah, sedang orang-orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. Dan

kalaulah orang-orang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah, dan bahawa sesungguhnya Allah Maha berat azabNya”.

b) Surah An-Nisa’ 48 :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ

افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا (48)

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni (dosa) kerana menyekutukanNya (syirik), dan Dia mengampuni apa (dosa) selain (syirik) itu bagi sesiapa yang Dia kehendaki. Barang siapa menyekutukan Allah, maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar”.

5. Dalam sebuah hadis, Rasulullah s.a.w. bersabda “*Jauhilah diri kamu daripada tujuh dosa yang boleh membinasakan.*” Baginda ditanya: “*Apakah dosa itu wahai Rasulullah?*” Baginda berkata: “**Syirik kepada Allah**, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah S.W.T melainkan dengan jalan yang benar, memakan harta anak yatim, memakan riba, lari dari medan pertempuran perang dan menuduh perempuan yang suci melakukan zina.” (**Hadis Riwayat Muslim**).

6. Akhirnya, sebagai renungan bersama ingatlah firman Allah S.W.T dalam surah Yunus ayat 106 :

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنَ الظَّالِمِينَ (106)

“Dan janganlah engkau menyembah sesuatu yang tidak memberi manfaat dan tidak pula memberi mudarat kepadamu selain

***Allah, kerana jika engkau lakukan (yang demikian) maka
sesungguhnya engkau termasuk orang-orang zalim”.***

Disediakan oleh :

Bahagian Penyelidikan

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan



KEDAI yang menjual pelbagai barangan berunsur syirik dan khurafat yang beroperasi di Sepang, Selangor dekat sini.



JENGLOT ikan duyung yang didakwa asli dan berasal dari negara Jiran Indonesia.



SALAH seorang pekerja kedai berkenaan menunjukkan minyak pengasih buluh perindu yang berharga RM90.

Jenglot dibida RM25,000

■ KUALA LUMPUR 19 JAN.

MESEKIPUN dunia dikatakan sudah berubah dan terus dipacu dengan arus kemodenan, namun masih ada kelompok yang menaruh kepercayaan terhadap pelbagai barangan berunsur khurafat dan tahayul malah dijual secara terbuka termasuk menerusi dalam talian.

Lebih mengejutkan, harga ditawarkan bukan calang-calang, malah mencecah puluhan ribu ringgit bergantung kepada barangan diminta daripada minyak pengasih buluh perindu, besi kuning yang kononnya untuk pemakainya menjadi kebal sehing-



galah kepada patung saka belaian seperti jenglot.

Hasil penelitian *Mingguan Malaysia* terhadap seorang penjual barangan seumpama itu, peniaga terbabit menggunakan konsep bidaan yang mana harga mula adalah di antara RM70 sehingga RM25,000 berdasarkan keunikan dan kelebihannya.

Harga mula tertinggi setakat ini bernilai RM25,020 bagi jenglot berupa ikan duyung yang didakwa diperoleh dari Indonesia.

Jenglot yang didak-

MINYAK pengasih buluh perindu yang dijual dengan harga sekitar RM250.

wa asli berusia ribuan tahun itu dikatakan akan memberikan pelbagai kelebihan kepada pemiliknya antaranya beroleh kekayaan dengan mudah, perlindungan diri dan sentiasa kelihatan muda.

Bagi minyak pengasih pula, ia boleh dibida serendah RM70 ataupun dibeli secara terus dengan harga sekitar RM90 hingga RM250.

Penggunaan minyak tersebut didakwa berupaya melariskan perniagaan, menjamin keharmonian mereka yang berpoligami selain memikat pasangan.

Berdasarkan perbualan wartawan dengan penjual terbabit, *Mingguan Malaysia* difahamkan bahawa mereka mempunyai kedai yang beroperasi di Sepang, Selangor dekat sini.

Tinjauan mendapati, kedai

berkenaan turut menjual pelbagai senjata tradisional, wafak atau tulisan azimat serta cincin batu permata yang dikhabarkan mempunyai 1,001 kelebihan.

Penjual turut mendakwa, terdapat kira-kira 5,000 jenis barangan sedemikian dan sentiasa laris dibeli secara terus dengan mendambakan keistimewaan-

nya. Lebih menghairankan, premis berkenaan tidak putus dikunjungi pelanggan dari seluruh pelosok negara khususnya pada hujung minggu.

"Minyak pengasih adalah antara barangan paling laris, pelanggan kami bukan sahaja dalam kalangan orang biasa sahaja malah ramai golongan kenamaan turut mendapatkan barangan di sini," dakwa salah seorang pembantu kedai tersebut.

Skop kesalahan pemujaan perlu diperluas

KUALA LUMPUR 19 Jan. - Penggubalan semula seksyen melibatkan kesalahan pemujaan dalam enakmen jenayah syariah di setiap negeri wajar dipertimbangkan segera dalam usaha mengekang penjualan barangan

Selangor, pemujaan salah hanya didefinisikan sebagai memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan



menyebabkan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan.

"Di negeri-negeri lain pun sama, undang-undang sedia ada tidak je-

meskipun zaman telah berubah, namun fikiran umat Islam masih dijajah dengan perkara karut sebegini," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Mahyuddin yang juga pengamal perubatan